



Suatu pukulan yang jitu telah didatangkan oleh orang-orang Cina dengan mengatakan bahawa sekiranya hendak membantu orang-orang Melayu janganlah hinggakan makan mesti disudukan: Kenyataan ini sebenar-benar Bung! Orang-orang kita sebenarnya selalu berharap kepada pertolongan dan bantuan orang. Di mana salahnya itu? Jawabnya kepada penjajahan! Penjajahan telah menghilangkan semangat percaya kepada diri sendiri yang ada kepada orang-orang kita.

\* \* \*

Suatu berita yang baik telah diadakan iaitu suatu jawatankuasa telah dilantik kerana menyiasat kedudukan orang-orang Melayu dalam perniagaan dan perusahaan, jawatankuasa ini diketuai oleh Dr Ismail. Orang ramai berharap jangan nanti penyiasatan ada tetapi kerjanya tidak dijalankan. Jalan sebaik-baiknya ialah mengadakan kursus-kursus berniaga atau, wajibkan kepada perusahaan bangsa asing mengambil orang-orang Melayu berlatih di dalam perusahaannya. Langkah-langkah ini perlu terutamanya kepada kanak-kanak yang baharu naik supaya semangat berniaga itu tertanam.

\* \* \*

Banyak orang rupanya tak senang kepada Tengku yang telah berucap di dalam bahasa Inggeris dalam pembukaan pesta dahulu. Alasannya tentulah kalau pemimpin Melayu tidak mengutamakan bahasa sendiri tentulah orang-orang lain kurang perhatiannya.

\* \* \*

Masalah “Buku-buku dan majalah-majalah cabul” sekarang dihidupkan semula oleh orang-orang di Cecil Street. Badan-badan kebudayaan dan kesenian nampaknya – kerah-bukannya sahaja dari orang-orang Melayu tetapi juga dari orang-orang Cina, apa tujuannya? Tahu sama tahu Bung! Orang-orang yang tahukan riwayat Warta dibakar nampak ke mana perginya. Iakah begitu?

\* \* \*

Tukang-tukang cacat “Buku-buku dan majalah cabul” itu lupa bahawa ahli-ahli persekutuannya sendiri ada

mengeluarkan buku-buku cabul yang dahsyat mereka diam? Sebabnya T. S. T.! Tetapi yang lebih hebat lagi mereka bermesyuarat itu nampaknya mencari gempar sahaja kerana punca-punca pengeluaran – persatuan penerbit-penerbit Melayu dan juga Cina, persatuan wartawan-wartawan Melayu dan juga Cina serta orang putih tidak dijemput – pada hal puncanya mereka, dilihat dari ini fahamlah orang siapa yang berdiri, dibelakangnya – walhasil riwayat lama hendak dibuka semula – begitu Bung?! Ingat jangan sentimen dan dijadikan alat orang – Bung!

\* \* \*

Melihat gelagat yang ada di dalam pesta di Kuala Lumpur dengan cara-cara yang berlaku ada orang-orang memandang langkah-langkah itu bertujuan hendak menghidupkan semula semangat feudal di Semenanjung ini. Benarkah begitu? Kalau mahu tahu jawabnya tanya ketua-ketua UMNO, kata mereka. Terpulung kepada umum, Bung.

\* \* \*

Seorang penulis Inggeris telah menulis di dalam akhbar Singapore Free Press 25 Julai 1956 kononnya mengatakan bahawa ikan duyung itu mengikut kepercayaan, asalnya ialah daripada tulang-tulang babi sisa “Muhammad” iaitu sebelum “Muhammad” melaknat babi itu. Perkataan ini suatu penghinaan kepada umat Islam dan perkara semacam ini mesti ditegur oleh kerajaan sebelum orang-orang Islam marah atas kehinaan itu kerana orang-orang Islam tahu “Muhammad” tidak pernah memakan babi sama ada sebelum jadi nabi atau sesudahnya. Umat Islam awas-awas dan berhati-hati kepada dakyah-dakyah Anti Islam. Adakah kehinaan yang demikian kita balas dengan kehinaan juga. Soalnya terpulung kepada fikiran ramai umat Islam yang telah dihina itu – Cemeti al-Farouk.